

8.1 Perkembangan Pilihan Raya di Persekutuan Tanah Melayu

1 Pilihan raya merupakan asas berkerajaan sendiri dan memberikan peluang kepada rakyat untuk memilih wakil atau parti yang akan membentuk kerajaan.

Nyatakan perkembangan pilihan raya di Persekutuan Tanah Melayu.

Perbandaran Di negara kita, pilihan raya diadakan bermula dari peringkat majlis perbandaran, dan
Negeri diikuti peringkat negeri
MPP seterusnya Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955.

2 Bagaimanakah pilihan raya di Persekutuan Tanah Melayu dilaksanakan?

Peruntukan Diadakan selaras dengan peruntukan dalam perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.

Jawatankuasa Kerajaan Persekutuan mewujudkan sebuah Jawatankuasa Pilihan Raya bagi Majlis Mesyuarat Perundangan.

Kaji Tujuan mengkaji dan membuat cadangan tentang perkara tersebut.

Ordinan Ordinan Pilihan Raya Pihak Berkuasa Tempatan diwujudkan pada tahun 1950.

Kuasa Memberikan kuasa kepada majlis tempatan untuk mengadakan pilihan raya.

3 Pada pendapat anda, apakah harapan rakyat dalam sesuatu pilihan raya?

Berikan alasan anda.

Menang Parti politik yang disokong memenangi pilihan raya

Tidak korupsi Mengharapkan kerajaan dilantik tidak korupsi dan terlibat skandal kewangan

Tepati Menepati janji seperti yang diwar-warkan dalam manifesto parti

Harmoni Menjamin kehidupan rakyat yang harmoni dan sejahtera

Stabil Menjamin ekonomi negara yang stabil

Hidup Mampu meningkatkan taraf hidup rakyat

Politik Menjamin kestabilan politik

4 Di negara kita, pilihan raya diadakan bermula dari peringkat majlis perbandaran, diikuti peringkat negeri dan seterusnya Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955.

Mengapakah Pilihan Raya Perbandaran Georgetown (1951) diadakan?

Pertama Merupakan pilihan raya majlis perbandaran yang pertama.

Pilih Tujuan memilih sembilan orang ahli Pesuruhjaya Perbandaran George Town.

Lantik Sebelum pilihan raya ini diadakan, ahli dalam Majlis Perbandaran dilantik oleh Gabenor Negeri-negeri Selat.

Daftar Hari pendaftaran pemilih diadakan selama enam minggu mulai 17 Mei 1951 hingga 30 Jun 1951.

Pengundi Seramai 14 514 orang pengundi mendaftar untuk membuang undi dalam pilihan raya ini.

5 Apakah matlamat Pilihan Raya Majlis Perbandaran Kuala Lumpur (1952) diadakan?

Rebut Pilihan raya ini diadakan untuk merebut 12 kerusi Majlis Perbandaran Kuala Lumpur bagi kawasan Sentul, Bangsar, Imbi dan Petaling Jaya.

Gabung Dalam pilihan raya ini, UMNO bahagian Kuala Lumpur dan MCA bahagian Selangor mula mengadakan kerjasama dan bergabung.

Perikatan Dikenali sebagai Perikatan.

6 Pilihan raya peringkat negeri diadakan pada tahun 1954.

Apakah kesan daripada pilihan raya ini?

- Menang** Dalam pilihan raya ini, Perikatan UMNO-MCA telah memenangi 226 kerusi daripada 268 kerusi negeri yang dipertandingkan.
- Terima** Kesan - menunjukkan penerimaan masyarakat terhadap kerjasama antara kaum dalam politik negara kita pada masa itu.

7 Sejauh manakah pilihan raya pada peringkat awal berjaya mencapai matlamat?

Kemukakan alasan anda.

- Sedar** Pilihan raya pada peringkat awal berjaya menyedarkan rakyat tentang amalan demokrasi.
- Pengalaman** Pilihan raya ini memberikan pengalaman kepada rakyat mengendalikan pilihan raya pada peringkat Persekutuan.
- Sedia** Pilihan raya ini juga merupakan persediaan ke arah berkerajaan sendiri.

Contoh jawapan (No. 7):

Pilihan raya pada peringkat awal berjaya mencapai matlamat kerana berjaya menyedarkan rakyat tentang amalan demokrasi. Selain itu, pilihan raya juga memberikan pengalaman kepada rakyat mengendalikan pilihan raya pada peringkat Persekutuan. Contohnya, Pilihan Raya Perundangan Persekutuan 1955. Kesannya, pilihan raya ini berjaya mencapai matlamat apabila menjadi perintis jalan ke arah berkerajaan sendiri.

Formula: FHCI

8.2 Proses Pilihan Raya Umum Pertama

1 Pilihan Raya Umum Pertama Persekutuan telah diadakan pada 27 Julai 1955.

Mengapakah pilihan raya ini perlu diadakan?

- Jalan** Pilihan Raya Umum Pertama perlu diadakan bagi merintis jalan ke arah kemerdekaan.
- Setuju** Oleh itu, Raja-raja Melayu bersetuju mengadakan pilihan raya.
- Pilih** Bagi memilih anggota Majlis Perundangan Persekutuan (MPP).
- Isytihar** Pengisytiharan pilihan raya ini dibuat oleh Sir Donald MacGillivray.

2 Bagaimanakah keanggotaan dalam Majlis Perundangan Persekutuan (MPP) dilantik?

- British** Keanggotaan dalam Majlis Perundangan Persekutuan (MPP) sebelum ini dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi British.
- Undang** Caranya dengan mengundang parti politik, pertubuhan kaum serta badan pekerja, perniagaan dan perusahaan menganggotainya.
- Calon** Nama calon yang sesuai dikemukakan untuk menjadi calon dalam MPP ini.

3 Sebelum pilihan raya umum diadakan, beberapa isu yang berkaitan dengan bilangan ahli Majlis Perundangan Persekutuan (MPP) perlu dirunding dan disepakati.

Apakah peranan Jawatankuasa Pilihan Raya?

- Bentuk** Pada 1 Februari 1954, Jawatankuasa Pilihan Raya telah dibentuk dengan 46 orang ahli.
- Kaji** Tugas jawatankuasa ini adalah untuk mengkaji hal ehwal pilihan raya yang akan dijalankan.

Dua Nama Jawatankuasa Pilihan Raya ini mengeluarkan dua bentuk penyata susunan MPP. Dinamakan Bentuk A dan Bentuk B.

4 Pada pendapat anda, apakah perbezaan antara penyata susunan MPP Bentuk A dan Bentuk B? Manakah menjadi pilihan Tunku Abdul Rahman?

Bentuk A 6 orang yang dipilih melalui pilihan raya
Perlu Tempoh pilihan raya - perlu diadakan tidak lewat dari bulan November 1954.
Bentuk B 44 orang yang dipilih melalui pilihan raya – 8 orang tambahan lantikan oleh Pesuruhjaya Tinggi
Tidak tetap Tempoh pilihan raya - tidak menetapkan tarikh atau masa tertentu untuk pilihan raya.
Tunku Jawatankuasa Tunku Abdul Rahman dan Parti Perikatan memilih bentuk A. Sedangkan Jawatankuasa Pilihan Raya memilih bentuk B.

5 Jawatankuasa Pilihan Raya 1954 mengeluarkan dua bentuk penyata susunan Majlis Perundangan Persekutuan (MPP) yang dinamakan Bentuk A dan Bentuk B. Jelaskan persamaan yang terdapat dalam kedua-dua bentuk tersebut.

Speaker Seorang Speaker.
Ahli Tiga orang ahli yang dilantik.
Wakil Sebelas orang wakil negeri.
Lantik Dua puluh orang yang dilantik mewakili kepentingan tertentu.
Minoriti Tiga orang dilantik mewakili golongan minoriti.
Rasmi Dua orang ahli rasmi (Setiausaha Pertahanan dan Setiausaha Ekonomi).

6 Tunku Abdul Rahman berangkat ke London bersama-sama dengan Tan Cheng Lock, T.H. Tan dan kemudiannya disertai oleh Dato' Abdul Razak Hussein pada 21 April 1954. Mengapakah Tunku Abdul Rahman berangkat ke London pada tahun 1954?

Hasrat Rombongan ini bertujuan menyatakan hasrat menentukan tiga perlima bilangan anggota MPP.
Pilih Temu Bilangan anggota MPP ini hendaklah dipilih melalui pilihan raya. Semasa di London, dengan pertolongan Lord Ogmores, Tunku Abdul Rahman berjaya bertemu dengan ahli Parlimen daripada Parti Buruh British, Parti Konservatif dan Parti Liberal.
Akhbar Tunku Abdul Rahman membuat kenyataan tentang hasrat mereka melalui akhbar kepada rakyat British dan ahli Parlimen.

7 Se jauh manakah kejayaan rundingan Tunku Abdul Rahman di London?

Runding Pada 14 Mei 1954, Tunku Abdul Rahman telah berjaya mengadakan rundingan dengan Oliver Lyttelton, Setiausaha Tanah Jajahan British di London.
Gagal Namun begitu, rundingan tersebut masih gagal menjayakan hasrat Tunku Abdul Rahman mendapatkan tiga perlima ahli melalui pilihan raya.
Meriah Pilihan raya Walaupun rundingan tersebut gagal, mereka tetap disambut meriah di Tanah Melayu. Akhirnya, bilangan ahli MPP yang dipersetujui untuk dipilih melalui pilihan raya sebanyak 52 orang.
Setuju Perkara ini dipersetujui oleh pihak British dan Parti Perikatan yang diwakili oleh Tunku Abdul Rahman.

8 Berikan pendapat anda dalam perkara berikut.

(i) Mengapakah pilihan raya terpaksa diadakan pada 1955 dan bukannya tahun 1954?

Setuju Oleh sebab persetujuan hanya dicapai pada awal bulan Julai 1954, maka pilihan raya hanya akan diadakan pada tahun 1955.

- Undang-undang Pilihan raya** Pada 18 Ogos 1954 hingga 19 Ogos 1954, Rang Undang-Undang Pilihan Raya Persekutuan Tanah Melayu diluluskan. Membolehkan Pilihan Raya Persekutuan diadakan sebagai langkah awal ke arah kemerdekaan.

(ii) Apakah iktibar yang boleh diambil daripada peristiwa di atas?

Beri hujah anda.

- Cinta** Semangat cinta akan negara yang tinggi – kerjasama kaum - membawa kepada kejayaan negara.
- Rasional** Pemimpin yang rasional sanggup berjuang demi kepentingan negara berbanding urusan peribadi.
- Sabar** Kesabaran membawa kepada kemenangan.
- Berani** Berani mempertahankan hak negara.

9 Sebelum rombongan Tunku Abdul Rahman berangkat ke London, berlaku satu peristiwa menyentuh hati yang digambarkan dalam pernyataan berikut.

Hadirin yang duduk di tingkat atas dewan telah 'menggugurkan' wang kertas bernilai RM1 hingga 10 sen demi membantu Tunku.

Buku Teks Sejarah Tingkatan 4, halaman 199.

Apakah yang menyebabkan keadaan tersebut berlaku?

- London** Tunku Abdul Rahman dan rombongan menyatakan hasrat ke London tetapi mereka menghadapi masalah kewangan untuk membiayai tambang ke London.
- Hulur** Datuk Siti Rahmah Kassim mendekati Tunku dan menghulurkan gelang emas yang dipakainya.
- Barang Boleh** Diikuti kaum ibu lain tanpa dipaksa menanggalkan barang kemas mereka. Sumbangan derma daripada pelbagai pihak membolehkan Tunku dan rombongan ke London.
- Pujuk** Tujuan – memujuk British membebaskan Tanah Melayu.

10 Jika anda berada dalam situasi tersebut, apakah yang akan anda lakukan?

- Bantu** Membantu setakat mana yang mampu.
- Sokong** Memberi sokongan dan dorongan kepada Tunku – menyokong dengan sepenuh hati – melahirkan penghargaan.
- Derma** Mendapatkan derma dan sumbangan daripada pelbagai pihak.

11 Apakah nilai yang boleh diteladani daripada situasi tersebut?

Berikan alasan anda.

- Cinta** Semangat cinta akan negara
- Tanggungjawab** Negara kita tanggungjawab kita
- Bangga** Bangga sebagai rakyat Malaysia
- Semangat** Bersemangat kekitaan
- Korban** Rela berkorban untuk negara
- Kerjasama** Sikap bekerjasama mampu mencapai matlamat perjuangan

12 Sebagai generasi selepas merdeka, apakah sumbangan anda kepada negara?

Kemukakan hujah anda.

- Beli** Membeli barangan buatan Malaysia

Daulat	Mendaulatkan bahasa Melayu
Sayang	Menyayangi negara dan bangsa
Tanggungjawab	Bertanggungjawab dalam tugas yang diamanahkan
Budi	Berbudi pekerti dalam perlakuan
Hormat	Menghormati undang-undang

13 Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955 melalui beberapa proses sebelum dilaksanakan pada 27 Julai 1955.

Apakah proses pilihan raya yang dimaksudkan? atau

Bagaimanakah Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955 dilaksanakan?

Sempadan	Suruhanjaya Penentuan Sempadan Kawasan ditubuhkan dan berjaya membentuk 52 kawasan pilihan raya (26 April 1954).
Undang-undang	Rang undang-undang diluluskan bagi membolehkan pilihan raya diadakan (Ogos 1954).
Daftar	Pendaftaran pengundi mulai 18 Oktober 1954 di seluruh Tanah Melayu, manakala di Terengganu bermula 29 Oktober 1954.
Calon	Penamaan calon (15 Jun 1955).
Kempen	Kempen pilihan raya (45 hari).
Undi	Mengundi (27 Julai 1955).
Kira	Peti undi dibawa ke pusat pengiraan undi dan proses pengiraan undi dilakukan.
Umum	Pengumuman keputusan.

14 Pihak British telah melantik T.E. Smith untuk menyelia urusan pilihan raya bagi menjamin pelaksanaan pilihan raya yang sistematik.

Apakah syarat yang dipersetujui untuk menjadi seorang pengundi pilihan raya?

Warganegara	Warganegara Persekutuan Tanah Melayu.
Umur	Berumur 21 tahun ke atas.
Tinggal	Individu yang tinggal di Persekutuan Tanah Melayu dalam tempoh enam bulan terdahulu (dari tarikh 17 Oktober 1954 atau 28 Oktober 1954 bagi negeri Terengganu) layak untuk memohon sebagai pengundi.

15 Bagaimanakah untuk menjadi calon dalam pilihan raya?

Warganegara	Warganegara Persekutuan Tanah Melayu.
Umur	Berumur 21 tahun ke atas.
Tinggal	Telah tinggal di Persekutuan Tanah Melayu dan tinggal dalam tempoh 12 bulan sebelum hari penamaan calon.
Pengetahuan	Berpengetahuan dalam bahasa Inggeris dan bahasa Melayu.

16 Pilihan raya di negara kita pada masa kini diuruskan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

Pada pandangan anda, apakah usaha yang boleh dilaksanakan untuk mewujudkan pilihan raya yang telus dan adil di negara kita?

Kemukakan hujah anda.

Wibawa	Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) perlu berwibawa
Sah	Menggunakan Senarai Daftar Pemilih yang terkini dan sah
Sama rata	Memberi peluang sama rata kepada calon bertanding untuk berkempen
Ruang	Memberi ruang kepada semua parti politik menggunakan media arus perdana
Debat	Mengadakan debat antara calon yang bertanding
Politik wang	Mengelakkan amalan politik wang dalam pilihan raya
Prosedur	Mempertahankan kelangsungan amalan demokrasi mengikut prosedur
Pilihan	Memastikan kerajaan yang dipilih adalah pilihan rakyat
Selamat	Memastikan pilihan raya dijalankan dengan selamat tanpa rusuhan / ancaman / salah

guna kuasa

17 Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955 dilaksanakan pada 27 Julai 1955. Nyatakan nama parti-parti yang terlibat dalam pilihan raya tersebut.

Perikatan
Parti Negara
Parti Islam Se-Tanah Melayu
Parti Kebangsaan Perak
Liga Melayu Perak
Parti Progresif Perak
Parti Buruh
Calon Bebas

18 Apakah yang terkandung dalam Laporan Pilihan Raya Pertama Majlis Perundangan Persekutuan Tanah Melayu 1955?

Maklumat Laporan ini mengandungi maklumat tentang urusan pemilihan serta penerangan berkaitan dengan peraturan dan tindakan yang perlu diambil bagi menghadapi pilihan raya.
Langkah Di samping itu, laporan ini menggariskan langkah bagi mentadbir perjalanan pilihan raya, pembahagian kawasan, pendaftaran calon dan pengundi serta nama-nama calon dan parti yang bertanding.

19 Adakah anda bersetuju had umur mengundi daripada 21 tahun kepada 18 tahun?

Beri hujah anda.

(i) Setuju

Dewasa 18 Tahun adalah usia dewasa - menurut Akta Umur Dewasa 1971 (Akta 21).
Suara Suara orang muda diperlukan tetapi masih tidak cukup besar dalam proses pembuatan keputusan tetapi menerima kesan daripada dasar-dasar dan undang-undang negara.
Hak Hak untuk memilih dan menjadi sebahagian daripada proses demokrasi akan memberi lebih banyak sebab untuk orang muda menjadi aktif dalam masyarakat dan pemerintahan negara.
Kualiti Seluruh dunia Penurunan usia minima pengundi boleh meningkatkan kualiti kehidupan orang muda
Fungsi Usia mengundi di kebanyakan negara seluruh dunia bermula dari umur 18 tahun - contoh: Hong Kong, India, Jepun dan Korea.
Cepat belajar Hak mengundi bukan diberi kerana kematangan atau pengetahuan - wajib diberi kepada orang yang berfungsi sebagai ahli masyarakat dan sebagai rakyat negara sepenuhnya.
Cepat belajar Merupakan generasi yang cepat belajar - golongan muda sekarang sangat pintar dan mempunyai pendapat yang hebat mengenai masa depan mereka.

(ii) Tidak setuju

Rasional Umur 21 tahun dilihat sangat sesuai dan relevan bagi pengundi yang mahu melunaskan tanggungjawab mereka - bersikap rasional dan matang membuat keputusan - tidak mudah dipengaruhi.
Muda Belajar Pengaruh Umur 18 tahun masih muda dan masih mencari-cari haluan hidup mereka. Umur 18 tahun untuk belajar dan menimba ilmu pengetahuan - kolej, university. Mereka mudah terpengaruh dengan apa yang mereka lihat - contoh di media sosial - mengambil sikap sambil lewa terhadap tanggungjawab.
Matang Individu berumur 21 tahun dan ke atas dianggap sebagai individu yang matang, berkebolehan untuk memiliki hartanah, dan menyertai perjanjian yang mempunyai

pelbagai tanggungjawab dan hak.

Cadangan jawapan (No.19):

Saya bersetuju had umur mengundi daripada 21 tahun kepada 18 tahun. Hal ini kerana 18 tahun adalah usia dewasa menurut Akta Umur Dewasa 1971 (Akta 21). Pada pandangan saya, suara orang muda diperlukan tetapi masih tidak cukup besar dalam proses pembuatan keputusan tetapi menerima kesan daripada dasar-dasar dan undang-undang negara. Contohnya, mereka hanya terlibat mengisi borang-borang penilaian dalam kaji selidik tertentu sahaja. Kesannya, suara mereka tidak cukup untuk membuat keputusan.

Selain itu, saya bersetuju kerana hak untuk memilih dan menjadi sebahagian daripada proses demokrasi akan memberi lebih banyak sebab untuk orang muda menjadi aktif dalam masyarakat dan pemerintahan negara. Hal ini kerana penurunan usia minima pengundi boleh meningkatkan kualiti kehidupan orang muda. Contohnya, mereka boleh terlibat dalam pengurusan sukan, teknologi dan inovasi serta pembuatan yang lebih memerlukan kebijaksanaan orang muda. Buktinya, negara seluruh dunia seperti Hong Kong, India, Jepun dan Korea telah memberi peluang kepada mereka yang berumur 18 tahun.

Formula: FHCI

20 Pilihan raya awal di Sarawak dan Sabah dilaksanakan selepas berakhirnya Pilihan Raya Pertama Majlis Perundangan Persekutuan 1955.

Bagaimanakah pilihan raya awal diadakan di Sarawak?

- Pertama** Di Sarawak, pilihan raya tempatan pertama diadakan pada tahun 1956 .
- Sedia** Pilihan raya ini diadakan sebagai persediaan awal ke arah berkerajaan sendiri.
- Kuching** Pilihan raya diadakan bagi kawasan Kuching Municipal Council (KMC) dan seterusnya bagi Sibu Urban District Council (SUDC) pada tahun 1957.
- Sembilan** Bagi pilihan raya KMC, Kuching dibahagikan kepada sembilan kawasan (ward).

21 Apakah yang berlaku selepas pilihan raya awal tempatan pertama di Sarawak?

- William Tan** Selepas pilihan raya, William Tan dipilih sebagai Pengerusi pertama KMC dan Ong Kee Hui sebagai timbalannya.
- Sibu** Bagi pilihan raya SUDC pula, Sibu dibahagikan kepada sembilan kawasan.
- Ting Chew Huat Sambutan** Keputusan pilihan raya tersebut meletakkan Ting Chew Huat sebagai Pengerusi SUDC dan Timbalan Pengerusi ialah John Loo Ling Chong. Tindakan mengadakan pilihan raya ini mendapat sambutan baik daripada rakyat pelbagai kaum kerana mereka boleh memilih wakil dalam kerajaan.

22 Bagaimanakah pilihan raya awal di Sabah dilaksanakan?

- Pertama** Di Sabah pula, pilihan raya kerajaan tempatan pertama diadakan pada 16 Disember 1962.
- Bawah** Di bawah Local Government Elections Ordinance untuk 118 kawasan (ward) di pihak berkuasa tempatan.
- Setiausaha** Setiausaha Kolonial bagi Kerajaan Tempatan selaku Penguasa Pilihan Raya bertanggungjawab menjalankan pilihan raya tersebut.
- Calon** Seramai 202 calon bertanding bagi 118 kawasan.

Menang Calon di 53 kawasan menang tanpa bertanding.

23 Pada pendapat anda, bagaimanakah pilihan raya umum atau pilihan raya kecil dilaksanakan di Malaysia?

Peringkat Writ Pilihan raya umum atau pilihan raya kecil di Malaysia melibatkan enam peringkat. Pertama - Pengeluaran Writ (Suruhanjaya Pilihan Raya akan mengeluarkan writ/ surat kuasa untuk menjalankan pilihan raya)

Calon Kedua - Penamaan Calon

Kempen Undi Ketiga - Kempen Pilihan Raya Keempat - Pengundian

Jumlah Umum Kelima - Penjumlahan Rasmi Undi Keenam - Pengumuman Keputusan Pilihan Raya

8.3 Penubuhan Majlis Perundangan Persekutuan

1 Majlis Perundangan Persekutuan ditubuhkan pada tahun 1955.

Jelaskan situasi yang berlaku di negara kita selepas berlangsungnya Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955.

Baharu Setelah berlangsungnya Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955, negara kita melalui satu perkembangan baharu dalam sejarah demokrasi negara.

Bentuk Berikutan kemenangan besar dalam Pilihan Raya Persekutuan Tanah Melayu 1955, parti Perikatan membentuk Kerajaan Persekutuan.

Lantik Tunku Abdul Rahman dilantik sebagai Ketua Menteri Persekutuan Tanah Melayu yang pertama.

Anggota MPP yang berperanan menggubal undang-undang pentadbiran pada peringkat Persekutuan Tanah Melayu turut mengalami perubahan dari segi bilangan keanggotaannya.

2 Bandingkan Majlis Perundangan Persekutuan 1948 dan Majlis Perundangan Persekutuan 1955 daripada aspek komposisi ahli dan keanggotaan.

(i) Majlis Perundangan Persekutuan 1948

Tidak rasmi 52 orang - Ahli tidak rasmi yang dilantik dalam kalangan masyarakat tertentu.

Ex officio 3 orang ex officio - Ketua Setiausaha Kerajaan, Setiausaha Kewangan dan Peguam Besar Persekutuan.

Residen 9 orang Residen - Residen British mewakili sembilan buah Majlis Negeri.

Wakil 2 orang - Wakil Negeri-negeri Selat, iaitu Pulau Pinang dan Melaka.

Ahli rasmi 11 orang - Ahli rasmi dalam kalangan Pegawai Pentadbiran Kerajaan.

Anggota Jumlah keanggotaan seramai 77 orang.

(ii) Majlis Perundangan Persekutuan 1955

Pilih 52 orang - Ahli yang dipilih melalui pilihan raya.

Ahli lantikan 35 orang - Ahli lantikan mewakili kumpulan yang berkepentingan seperti keusahawanan, perlombongan, perindustrian dan pertanian.

Menteri Besar 11 orang - Menteri Besar mewakili negeri.

Wakil NNS 2 orang - Wakil Negeri-negeri Selat, iaitu Pulau Pinang dan Melaka.

Anggota Jumlah keanggotaan seramai 100 orang.

Cadangan jawapan (No. 2):

Majlis Perundangan Persekutuan 1948 (MPP 1948) mempunyai 52 orang ahli tidak rasmi yang dilantik dalam kalangan masyarakat tertentu. Selain itu, MPP 1948 juga mempunyai 3 orang ex officio iaitu Ketua Setiausaha Kerajaan, Setiausaha Kewangan dan Peguam Besar Persekutuan. Seterusnya, terdapat 9 orang Residen British yang mewakili Sembilan buah Majlis Negeri. Begitu juga 2 orang wakil Negeri-negeri Selat, iaitu Pulau Pinang dan Melaka. Rumusnya, MPP 1948 mempunyai jumlah keanggotaan seramai 77 orang.

Manakala Majlis Perundangan Persekutuan 1955 (MPP 1955) pula mempunyai 52 orang ahli yang dipilih melalui pilihan raya. Selain itu, MPP 1955 juga mempunyai 35 orang ahli lantikan mewakili kumpulan yang berkepentingan seperti keusahawanan, perlombongan, perindustrian dan pertanian. Seterusnya, 11 orang Menteri Besar yang mewakili setiap negeri. Begitu juga terdapat 2 orang wakil Negeri-negeri Selat, iaitu Pulau Pinang dan Melaka. Kesimpulannya, MPP 1955 mempunyai jumlah keanggotaan seramai 100 orang.

Formula: FHCI

3 Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, apakah kesan daripada penubuhan Majlis Perundangan Persekutuan di negara kita?

Ketua	Kerajaan diketuai oleh Tunku Abdul Rahman sebagai Ketua Menteri.
Ambil alih	Mengambil alih tugas pentadbiran Tanah Melayu daripada Pesuruhjaya Tinggi British.
Tukar	Proses pertukaran dan pembaharuan berlaku secara berperingkat dan mengambil masa.
Pegang	Pesuruhjaya Tinggi British masih memegang tampuk kepimpinan peringkat atasan yang menentukan hala tuju negara.
Pindah	Kuasa pegawai British kini beransur-ansur dipindahkan kepada rakyat tempatan.
Pegawai	Namun begitu, masih terdapat pegawai British yang berperanan sebagai penyelia atau penasihat bidang keselamatan.
British	
Mansuh	Susulan itu, Sistem Ahli dimansuhkan.
Demokrasi	Keanggotaan MPP menyaksikan perkembangan penting amalan pentadbiran demokrasi di negara kita.
Kejayaan	Keadaan ini menggambarkan kejayaan Kerajaan Persekutuan yang dibentuk.
Pimpin	Dipimpin oleh rakyat tempatan, manakala ahlinya dipilih oleh rakyat.

4 Penubuhan Majlis Perundangan Persekutuan 1955 (MPP) merupakan peristiwa penting kepada negara kita ke arah berkerajaan sendiri dan merdeka.

Apakah perubahan yang berlaku selepas Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955?

Tambah	Ahli Majlis Perundangan Persekutuan bertambah kepada 100 orang.
Pilih	52 orang yang dipilih melalui pilihan raya umum (menggantikan 52 orang ahli tidak rasmi).
Lantik	35 orang ahli yang dilantik mewakili kepentingan-kepentingan tertentu.
Wakil	11 orang lagi terdiri daripada Menteri Besar dan wakil-wakil negeri.
NNS	2 orang wakil Negeri-negeri Selat.

5 Jelaskan maksud “hari yang amat penting dalam sejarah Majlis ini” yang diucapkan oleh Tunku Abdul Rahman semasa pembukaan MPP pada 31 Ogos 1955.

Menang Penting	Kemenangan dalam pilihan raya MPP 1955 sangat bermakna kepada negara Merupakan peristiwa penting dalam perjuangan Tanah Melayu ke arah berkerajaan sendiri.
Terima Lantik Sokongan	MPP terdiri daripada ahli yang terpilih dan diterima oleh semua kaum Tunku Abdul Rahman dilantik sebagai Ketua menteri Kejayaan adalah hasil sokongan dan semangat muhibbah pemimpin dan rakyat pelbagai kaum
Cabaran	Sokongan mampu menghadapi segala cabaran dan halangan menjadikan negara merdeka
Sidang	Majlis yang baru ditubuhkan ini telah bersidang buat julung-julung kalinya di Dewan Tunku Abdul Rahman, Jalan Ampang, Kuala Lumpur.

6 Cadangkan langkah-langkah yang boleh diambil oleh generasi hari ini untuk memperkukuh pembinaan negara dan bangsa Malaysia.

Patriotik	Menjadi rakyat yang berjiwa patriotik – sanggup berkorban – mematuhi undang-undang negara
Rukun Negara	Menjadikan Rukun Negara sebagai panduan dan prinsip hidup – taat setia kepada raja dan negara – mengamalkan hidup bersatu padu
Berilmu	Menjadi rakyat yang berilmu pengetahuan – menguasai kemahiran ICT – berusaha memajukan ekonomi
Maruah	Menjaga maruah dan imej negara – menyokong dasar-dasar kerajaan – mengutamakan tanggungjawab kepada negara - mengelakkan kepentingan diri

8.4 Peranan Kabinet Pertama Persekutuan Tanah Melayu

1 Kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu dibentuk selepas Pilihan Raya Umum 1955 yang memperlihatkan barisan pemimpin berwibawa negara.

Siapakah yang menganggotai kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu 1955 pada peringkat awal?

Menteri	Kabinet tahun 1955 ini dibarisi oleh 10 orang Menteri.
Pegawai British Umum	Turut dianggotai oleh tiga orang pegawai British yang memegang portfolio Setiausaha Kewangan, Setiausaha Hal Ehwal Ekonomi dan Setiausaha Pertahanan. Setelah mendapat perkenan Raja-raja Melayu sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perjanjian Persekutuan, maka kesemua Jemaah Menteri ini diumumkan dengan rasminya oleh Sir Donald MacGillivray, Pesuruhjaya Tinggi British pada 4 Ogos 1955 di King’s House, Kuala Lumpur.
Wakil	Wakil pemimpin tempatan dipilih untuk mentadbir negara melalui pembentukan kabinet yang pertama ini.

2 Apakah peranan kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu?

Bincang	Membincangkan soal kewangan dan keperluan orang tempatan dalam perkhidmatan awam.
Guna pakai	Menyambung sistem yang diguna pakai dalam Majlis Mesyuarat Persekutuan yang berasaskan Model Westminster.
Kurang	Mengurangkan kuasa pentadbiran British.

Batal Meminta Kuasa Veto Pesuruhjaya Tinggi dibatalkan.
Isu Membincangkan isu keselamatan dalam negeri dan pertahanan.

3 Bagaimanakah seseorang warganegara boleh menggunakan hak dan tanggungjawab mereka dalam pembinaan negara bangsa Malaysia yang bersatu?

Kemukakan hujah anda.

Sokong Menyokong dasar pelajaran kebangsaan – utamakan perpaduan – semangat saling menghormati
Hayati Menghayati dan mengamalkan prinsip Rukun Negara – setia kepada raja, pemimpin dan negara
Bangga Berbangga sebagai warganegara Malaysia – bangga dengan lambang-lambang negara
Martabat Memartabatkan penggunaan bahasa Melayu – bahasa menyatukan bangsa - menghormati budaya bangsa
Terbuka Sentiasa bersikap terbuka – rasional dan matang

4 Kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu dibentuk selepas Pilihan Raya Umum 1955 memainkan pelbagai peranan ke arah berkerajaan sendiri.

Apakah yang anda faham tentang istilah berikut?

(i) Model Westminster

Sistem pemerintahan demokrasi mengikut Britain.

(ii) Kuasa Veto

Hak atau kuasa penuh yang diberi kepada pihak tertentu sahaja, kuasa pembatal.

5 Jelaskan peranan dan tanggungjawab yang dipegang oleh tokoh-tokoh dalam kabinet Persekutuan Tanah Melayu 1955.

Tunku Abdul Rahman Ketua Menteri - bertanggungjawab menunaikan mandat daripada rakyat untuk mencapai kemerdekaan.
Dato' Abdul Razak Hussein Menteri Pelajaran berperanan penting untuk membina bangsa yang bersatu melalui sistem pendidikan.
V.T. Sambanthan Menteri Buruh - melaksanakan tugas terawalnya bersama-sama dengan menteri lain untuk menjadikan perkhidmatan awam bercorak tempatan - beliau mengurangkan pegawai Eropah dalam Malayan Civil Service (MCS) secara berperingkat.
Leong Yew Koh Menteri Kesihatan - bertanggungjawab memenuhi manifesto Parti Perikatan. - beliau dikehendaki menjalankan rancangan secara meluas dengan meningkatkan mutu perkhidmatan perubatan dan kesihatan secepat mungkin dalam tempoh negara menuju berkerajaan sendiri.

6 Kabinet pertama berjaya mewujudkan kompromi antara kaum.

Buktikan.

Wibawa Kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu memperlihatkan barisan pemimpin yang berwibawa.
Bangun Kerjasama Mereka berusaha membangunkan negara menerusi jawatan yang diamanahkan. Di samping bekerjasama dan berkongsi kuasa antara satu sama lain.
Bukan Melayu Selain ahli kabinet Melayu, jawatan juga dipegang oleh kaum bukan Melayu
Contoh Contoh: H.S. Lee (Menteri Pengangkutan), V.T. Sambanthan (Menteri Buruh), Leong Yew Koh (Menteri Kesihatan) dan Ong Yoke Lin (Menteri Pos dan Telekom)
Perkenan Pelantikan mendapat perkenan Raja-raja Melayu dan disokong semua kaum – pemimpin dan rakyat
Matlamat Kejayaan ini kerana matlamat perjuangan mereka sama – ke arah berkerajaan

sendiri

Cadangan jawapan (No.6):

Kabinet pertama berjaya mewujudkan kompromi antara kaum apabila memperlihatkan barisan pemimpin yang berwibawa. Hal ini kerana mereka berusaha membangunkan negara menerusi jawatan yang diamanahkan di samping bekerjasama dan berkongsi kuasa antara satu sama lain. Selain ahli kabinet Melayu, jawatan juga dipegang oleh kaum bukan Melayu. Contohnya, H.S. Lee (Menteri Pengangkutan), V.T. Sambanthan (Menteri Buruh), Leong Yew Koh (Menteri Kesihatan) dan Ong Yoke Lin (Menteri Pos dan Telekom). Pelantikan ini mendapat perkenan Raja-raja Melayu dan disokong oleh semua kaum iaitu pemimpin dan rakyat. Kesan daripada kompromi antara kaum ini ahli Kabinet berjaya mencapai matlamat perjuangan mereka, iaitu ke arah berkerajaan sendiri.

Formula: FHCI

CIKGUADIES

CIKGUADIES